

Permasalahan Yang Mempengaruhi Pembelajaran dan Pencapaian Akademik Pelajar Bumiputra (Tingkatan 4) di Sekolah Menengah Teknik di Johor Bahru

Azizi Yahaya¹, Halimah Ma'alip¹ & Mohamad Hasan Omar¹

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor, Malaysia

Abstrak: Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui permasalahan yang mempengaruhi pembelajaran dan pencapaian akademik pelajar bumiputera tingkatan empat di Sekolah Menengah Teknik di Johor Bahru. Kajian ini telah dijalankan di Sekolah Menengah Teknik Johor Bahru, Sekolah Menengah Teknik Perdagangan dan Sekolah Menengah Teknik Tanjong Puteri. Kajian ini telah menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian dan melibatkan seramai 150 orang responden. Kaedah persampelan yang digunakan ialah sampel tidak rawak bertujuan. Kajian rintis telah dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti terhadap 30 orang responden, dan nilai *alpha cronbach* adalah 0.87. Data-data yang diperolehi diproses dengan menggunakan perisian *SPSS (Statistical Package for the Social Sciences)*. Kolerasi Pearson, Anova, Peratus, Min, Sisihan Piawai dan Ujian-t telah digunakan untuk menguji persoalan-persoalan kajian. Hasil kajian menunjukkan masalah disiplin adalah masalah yang paling dominan diikuti masalah rakan sebaya dan masalah keluarga yang mempengaruhi pencapaian pembelajaran dan pencapaian akademik pelajar bumiputera. Walaupun begitu, kesemua masalah di dapati tiada hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik kecuali masalah disiplin. Kajian juga mendapati tahap pencapaian pelajar adalah pada tahap rendah. Kajian juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin mengikut jantina dan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin di kalangan pelajar bumiputra dan tahap pendidikan ibu bapa.

Katakunci: Masalah didiplin, masalah rakan sebaya, masalah keluarga, pencapaian pelajaran

Abstract: The objective of this research is to determine the factors that influenced academic achievements among bumiputra students in four technical schools in Johor Bahru. This research was conducted in Sekolah Menengah Teknik Johor Bahru, Sekolah Menengah Teknik Perdagangan dan Sekolah Menengah Teknik Tanjong Puteri. This research has utilized questionnaires as research instrument involving 150 respondents. The sampling method used in this research is purposive not random. A pilot study was carried out to determine the internal consistency of the questionnaire involving 30 respondents of Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti, resulting to an alpha cronbach value of 0.87. All the accumulated data was processed using *SPSS (Statistical Package for the Social Sciences)* software. The Pearson Correlation and T-test was used to test the research questions. The results show that discipline is the main dominant influence of academic achievements among the students. This is followed by peers and family problems. The research found that all factor shows no significant relation with academic achievement except for discipline problem. The research also found that the level of students academic achievement is low. This research found that there is no significant difference between peers, discipline and family problem towards gender and parents academic level.

Keywords: Discipline problem, peer, family, academic achievement

1.0 PENGENALAN

Kewibawaan kemanusiaan tidak boleh dibangunkan secara menyeluruh menggunakan program pembangunan formal semata-mata. Pernyataan ini dibuktikan lagi dengan kecemerlangan kognitif atau kecemerlangan akademik tidak menjamin kecemerlangan pemikiran, sosial, keagamaan dan emosi seseorang. Kewajaran hakikat ini dalam proses pembangunan kemanusiaan ditegaskan oleh pakar pendidik melalui teori seperti *The Theory of Multiple Intelligence* (Howard Gardner, 1989) dan *Emotional Intelligence* (Daniel Goleman, 1999).

Hasrat arah tuju pembentukan masyarakat bumiputra sejak beberapa dekad yang lalu telah melalui proses perubahan yang agak drastik. Antara usaha dari segi pembentukan kerangka pemikiran masyarakat terhadap budaya hidup orang Melayu yang paling terpengaruh ialah Gagasan Melayu Baru yang dihebahkan beberapa waktu dahulu telah dinilai sebagai satu usaha bagi pembudayaan semula masyarakat Melayu.

Idea utama yang berkembang antaranya ialah, umat Melayu memerlukan kepada persediaan moral dan ketahanan nilai yang tinggi berhadapan dengan perubahan zaman yang mencabar. Ia bererti, umat Melayu hanya setanding dengan bangsa atau umat yang lain, sekiranya persaingan dan daya kreativiti yang tinggi. (Berita Harian, 27.7.1999). Masyarakat bumiputera dahulunya mementingkan kepakaran yang diwarisi turun temurun daripada nenek moyang mereka.

Mereka meneruskan pekerjaan tersebut tanpa memikirkan tentang kemajuan yang akan lebih memudahkan pekerjaan mereka. Dengan ini ilmu kepakaran dan keyakinan disamping faktor sokongan boleh menyelamatkan bangsa dan negara daripada jauh ketinggalan dalam bidang pembangunan, khususnya dalam bidang sains dan teknologi di dalam era teknologi maklumat (IT). Menurut Muhyuddin Yassin faktor terpenting yang berfungsi dalam memastikan kejayaan sesebuah negara pada era teknologi maklumat dan era baru ialah kemampuan rakyat menguasai dan menggunakan sains dan teknologi secara kreatif dan inovatif (Utusan Malaysia, 19.4.2000).

Bilangan Sekolah Menengah Teknik dan sekolah vokal yang menerapkan kemahiran telah bertambah di Malaysia sekaligus ianya akan dapat melahirkan sejumlah besar masyarakat bumiputera yang berpengetahuan di dalam bidang teknologi dan tanpa membelakangi pengetahuan yang lainnya. Ianya juga dapat mengurangkan bilangan masyarakat bumiputera yang mundur dalam kehidupan. Ini adalah kerana dengan adanya kemahiran yang diperolehi diperingkat persekolahan dan dapat dimanfaatkan sesudah tamat pengajiannya.

2.0 LATAR BELAKANG MASALAH

Tidak dinafikan bahawa banyak kemajuan telah dicapai oleh masyarakat bumiputera dari segi pendidikan sejak negara mencapai kemerdekaan. Seperti yang dinyatakan oleh Awang Had (1996), kemajuan adalah satu proses dan ia bukan satu titik pencapaian

yang terakhir dan mutlak, ia adalah sasaran yang sentiasa berganjak ke hadapan. Pelajar bumiputera kebanyakannya tidak mempunyai kualiti yang cemerlang dan sekaligus akan melahirkan golongan bumiputera yang akan bergiat dalam bidang profesional berkurangan. Ia dapat dibuktikan dengan melihat keputusan pencapaian akademik yang dimiliki oleh pelajar bumiputera berbanding dengan pencapaian akademik pelajar bukan bumiputera iaitu dari peringkat yang tertinggi hinggalah ke peringkat yang terendah iaitu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Kecemerlangan ilmu yang telah dicapai suatu waktu dulu bukanlah diukur semata-mata dari segi fizikal, iaitu menghasilkan peralatan yang mengatasi orang lain, tetapi mengadakan satu sistem hidup yang membawa kesejahteraan kepada manusia. Kecemerlangan ilmu kini bermakna mencapai kejayaan dalam bidang sains dan teknologi dari segi kehidupan fizikal, mengimbangnya dengan kejayaan mempelajari ilmu-ilmu yang mengisi kehidupan rohaniah, agama ataupun moral kita (Mohd Taib Osman, 1997).

Seperti yang dinyatakan oleh Awang Had (1996), kemajuan adalah satu proses bukan satu titik pencapaian yang terakhir dan mutlak, ia adalah sasar yang sentiasa berganjak kedepan. Tetapi pelajar bumiputera adalah tidak cukup dari segi kualiti dan menjadikan orang melayu yang bergiat dalam bidang profesional juga tidak mencukupi. Ini dapat dilihat dari pencapaian akademik dari peringkat SPM hinggalah ke peringkat yang tertinggi diperingkat Institut Pengajian Tinggi (IPT).

Jika dilihat daripada jadual 1, peratus pencapaian calon bumiputera dan bukan bumiputera dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR), secara purata pada tahun 2000 di Sekolah Menengah Dato Hj, Hussin pada peringkat mata pelajaran mengikut kaum adalah seperti berikut:

Jadual 1: Keputusan Penilaian Menengah Rendah (PMR) 2000, Analisis Peringkat Mata Pelajaran Mengikut Kaum

Mata Pelajaran	Pencapaian	Bumiputera	Cina	India
Matematik Tambahan	Cemerlang	9.9	38.9	3.3
	Gagal	12.8	7.4	15.0
Bahasa Inggeris	Cemerlang	5.1	13.0	-
	Gagal	45.8	22.2	41.7
Biologi	Cemerlang	6.0	20.0	11.0
	Gagal	13.0	13.0	9.0
Sains	Cemerlang	5.9	14.8	1.7
	Gagal	3.7	3.7	6.7
Perakaunan	Cemerlang	11.0	30.0	11.0
	Gagal	25.0	15.0	32.0
Perdagangan	Cemerlang	4.0	11.0	4.3
	Gagal	27.0	21.0	38.4

Keputusan itu menunjukkan bahawa pencapaian pelajar bumiputera masih lagi tidak dapat menyaingi pelajar bukan bumiputera di dalam mata pelajaran yang berteraskan matematik dan sains. Kelemahan pelajar bumiputera pada kini yang ditinjau dari aspek pembelajaran pada peringkat sekolah menengah di aliran sains adalah sangat ketara berbanding dengan pelajar bukan bumiputera. Ini adalah kerana kebanyakan mata pelajaran yang dibekal adalah menekankan tentang sains dan matematik, daripada kelemahan dalam mata pelajaran ini ianya akan memberi kesan apabila melanjutkan pelajaran pada peringkat yang tertinggi. Kelemahan penguasaan pelajar bumiputera terhadap mata pelajaran berasaskan sains dan matematik, dibebani dengan tertekan dan program pengajian yang diadakan di peringkat yang tertinggi, mereka tidak dapat menumpukan terhadap pelajaran (Berita Harian: 24.03.1999).

Pengetahuan dan pengalaman akademik dalam skop kurikulum mahupun kefahaman formal mengenai tanggungjawab, ciri-ciri dan etika kewarganegaraan tidak akan mencukupi untuk menangkis secara berkesan segala tohmahan dan andaian berperasangka yang membelenggu pelajar-pelajar bumiputera. Ianya haruslah disusuli oleh tanggungjawab bersama oleh semua masyarakat (Berita Harian 22.03.1999). Fenomena yang dinyatakan di atas dapat mengupas serba sedikit tentang permasalahan pelajar bumiputera di dalam perbezaan pencapaian akademik berbanding dengan pelajar bukan bumiputera. Dengan ini penyelidik ingin mengetahui permasalahan yang terdapat pada pelajar bumiputera yang menjadikan mereka tidak dapat bersaing dengan pelajar bukan bumiputera. Berdasarkan situasi ini, penyelidik ingin mengenalpasti sesuatu yang harus dilakukan oleh pelajar bumiputera supaya memberi impak yang positif pada masa akan datang.

3.0 PERNYATAAN MASALAH

Permasalahan tentang pencapaian akademik pelajar bumiputera sering diperkatakan oleh pemimpin politik, tokoh-tokoh akademik serta masyarakat. Ianya dapat dilihat daripada permasalahan yang boleh dikatakan sudah mencapai ke tahap yang membimbangkan. Ianya dilihat daripada bermacam-macam gejala yang tidak sihat berlaku disebabkan oleh remaja atau pelajar. Masalah seperti masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin merupakan antara masalah paling dominan yang mempengaruhi pembelajaran dikalangan bumiputera. Masalah ini akan mempengaruhi proses pembelajaran mereka jika ianya tidak dikawal. Permasalahan ini dilihat pada peringkat menengah kerana ianya adalah untuk mempersiapkan pelajar keperingkat yang lebih tinggi. Ianya memerlukan pergabungan tenaga dalam membendung masalah ini.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif kajian yang ingin dicapai dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- i. 4.4.1 Untuk mengetahui masalah yang paling dominan seperti masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin di kalangan pelajar bumiputera.
- ii. 1.4.2 Untuk mengetahui tahap pencapaian akademik di kalangan pelajar bumiputera.
- iii. 1.4.3 Untuk mengetahui sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin dengan pencapaian akademik pelajar bumiputera.
- iv. 1.4.4 Untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin di kalangan pelajar bumiputera mengikut jantina.
- v. 1.4.5 Untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin di kalangan pelajar bumiputera dengan tahap pendidikan ibu bapa.

5.0 PERSOALAN KAJIAN

Secara am, kajian ini direka bentuk untuk melihat aspek-aspek yang menyumbang ke arah permasalahan dominan yang mempengaruhi pencapaian pelajar iaitu ponteng kelas dan sekolah, budaya melepak, vandalisme dan pergaduhan antara pelajar di sekolah-sekolah teknik di negeri Johor. Secara khususnya kajian ini dijalankan untuk menjawab beberapa persoalan kajian seperti berikut:

- i. Apakah masalah yang paling dominan seperti masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin di kalangan pelajar bumiputera?
- ii. Apakah tahap pencapaian akademik di kalangan pelajar bumiputera?
- iii. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin dengan pencapaian akademik pelajar bumiputera?
- iv. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin dikalangan pelajar bumiputera mengikut jantina?
- v. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin dikalangan pelajar bumiputera dengan taraf pendidikan ibu bapa?

6.0 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini banyak memberi manfaat bagi menghadapi masalah yang membelenggu pelajar Melayu di dalam pembelajaran mereka. Kajian ini juga dapat mengetahui sejauh mana perkembangan pencapaian akademik di kalangan pelajar bumiputera terhadap pembelajaran mereka pada peringkat menengah atas amnya. Kajian ini banyak memberi panduan kepada pihak-pihak yang tertentu di dalam meneliti kelemahan serta memperbaikinya. Ianya adalah untuk:

- i. Memberi panduan yang berguna kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menyusun semula kurikulum dan perancangan pendidikan agar mewujudkan sekolah yang selamat dan berkesan.
- ii. Memberi panduan kepada pihak sekolah untuk memperbaiki atau mengatur semula program di sekolah dan pemantapan pelajar bagi mengatasi permasalahan pencapaian akademik di dalam meningkatkan kecemerlangan pelajar.
- iii. Membantu pentadbiran sekolah memberi tumpuan terhadap pemupukan nilai-nilai murni di kalangan pelajar supaya mereka dapat menerima struktur peraturan sekolah sebagai panduan baik di dalam kawasan sekolah mahupun di luar kawasan sekolah.
- iv. Bagi ibu-bapa, panduan ini berguna kepada mereka untuk mengawal tingkah laku dan memperbaiki hubungan mereka dengan anak-anak mereka supaya dapat memberi impak yang positif pada masa yang akan datang.

7.0 DEFINISI ISTILAH

1. Pencapaian akademik

Pencapaian akademik bermaksud prestasi atau hasil yang diperolehi daripada proses yang dilalui oleh pelajar terhadap mata pelajaran yang diikuti (Kamus Dewan, 1991). Dalam kajian ini pencapaian pelajar diukur daripada keputusan PMR.

2. Bumiputra

Bumiputera yang dfinasikan dalam perlembagaan negara sebagai warga yang beragama islam, mengamalkan dan bertutur seharian dalam bahasa Melayu. Ianya juga sebagai nama satu bangsa dan bahasa utama di Semenanjung Malaysia (Kamus Dewan. 1997).

Didalam kajian ini adalah merujuk kepada pelajar bumiputera yang berketurunan melayu.

3. Teknik belajar

Teknik belajar ialah cara pelajar belajar dan cara perpindahan ilmu dilakukan. Dalam kajian ini ianya lebih menekankan tentang cara belajar yang diamalkan oleh pelajar melayu dalam memajukan diri mereka (Siti Hawa, 1987).

4. Rakan sebaya

Dalam peringkat ini pelajar-pelajar mengalami zaman peralihan dari proses pengaruh dalam keluarga kepada peranan dan kedudukan sebagai orang dewasa. Kamus Dewan (1997), menyatakan ianya adalah kawan, teman, sahabat atau taulan yang sama umur dalam sebuah perkongsian. Berkaitan dengan kajian yang di jalankan ianya adalah merujuk kepada pelajar yang sama-sama menjalani proses pembelajaran yang berlaku di sekolah khususnya.

5. Keluarga

Keluarga merupakan seisi rumah yang terdiri daripada suami isteri serta anakanak atau orang yang mempunyai perhubungan keturunan antara satu sama lain atau sekalian orang yang bertalian kerana perkahwinan (Kamus Dewan, 1997). Merujuk kepada kajian yang dijalankan, ianya meliputi peranan yang dimainkan dalam memajukan diri pelajar di dalam pelajaran. Dalam peringkat ini pelajar memerlukan sokongan dan dorongan serta tunjuk ajar di dalam menuju kematlamat yang diinginkan.

8.0 SOROTAN KAJIAN

Pendidikan merupakan wahana yang penting di dalam pembangunan sesuatu bangsa dan negara. Malah pendidikan juga merupakan wadah yang boleh merapatkan jurang antara kaum dalam sesebuah negara yang memiliki masyarakat majmuk seperti di Malaysia. Mendidik manusia menjadi sempurna bukanlah satu perkara yang mudah, ianya perlulah melalui peringkat pembentukan jasmani dan rohani yang kental di dalam mengharungi kedatangan alaf baru dan desakan perkembangan sosial dan kedatangannya sukar dibendung. Ianya dapat dilihat di dalam pembentukan sikap pelajar bumiputera dalam mengharungi cabaran yang mendatang.

Tahap pendidikan yang ada pada pelajar menjadi pengukur kepada kejayaan dan perkembangan mereka pada masa akan datang. Pendidikan yang diperolehi hari ini, sedikit sebanyak mempengaruhi gaya kehidupan mereka

Menurut Abdullah Ahmad (2001), untuk membina sebuah negara yang adil, kuat dan makmur adalah apabila rakyatnya mempunyai minda terbuka, satu bangsa yang ada tradisi dan menghormati idea baru dan ilmu pengetahuan. Ia bukan adalah bangsa yang maju jika mindanya tertutup. Islam juga mewajibkan umatnya menuntut ilmu. Sabda Rasullullah S.A.W, "Menuntut ilmu itu diwajibkan ke atas setiap lelaki dan perempuan" - Riwayat Bukhari. Maju atau mundur sesebuah masyarakat atau umat, bergantung kepada keupayaan mereka menguasai ilmu pengetahuan. Umat yang berilmu adalah umat yang berwawasan, memiliki kekuatan, mempunyai matlamat hidup, sentiasa dihormati dan dicontohi.

Generasi muda Malaysia hari ini meliputi mereka yang berumur 30 tahun ke bawah. Dengan kata lain, mereka merupakan anak-anak zaman merdeka. Sebagai anak-anak zaman merdeka, mereka mewarisi tanggungjawab untuk mengisi kemerdekaan dan memastikan bangsa dan negara menikmati kemerdekaan yang sebenarnya. Dalam kajian ini, pelajar-pelajar tingkatan 4 adalah remaja yang biasanya dilihat sebagai individu yang mengalami perubahan cara berfikir dan perlu membuat penyusuaian dengan perubahan perkembangan.

Jangka masa remaja biasanya memerlukan penyempurnaan dan penggunaan secara berterusan mengenai kemahiran yang diperolehi di peringkat kanak-kanak. Proses mendefinisikan diri bermula di peringkat awal remaja dan mencapai kemuncak di akhir remaja dengan perkembangan identiti yang berfungsi sebagai asas menyusun dan mengatur tingkahlaku individu. Ilmuan terdahulu pernah berkata, antaranya Imam Al-Ghazali "Jika kamu ingin melihat masyarakat akan datang, maka telitilah generasi hari ini adalah mencerminkan masyarakat pada masa akan datang".

Pendidikan adalah mengeluarkan perangai yang buruk yang ada pada manusia dan menyemai perangai dan sifat yang baik. Menurut Imam Al-Ghazali dalam Abu Bakar Yang (2001), pendidikan itu bersifat dalaman dengan bermatlamat melahirkan insan yang sempurna dan berakhlak mulai serta ianya mengambil masa yang panjang. Menurut Mohd Yusof (1999), pada dasarnya pendidikan yang ada pada seseorang boleh mempengaruhi minda dan pemikiran mereka terutama dalam membuat sebarang tindakan atau keputusan. Minda yang diisi dengan bahan yang tidak bermanfaat dan remeh biasanya tidak akan membangun kerana pembangunan minda biasanya memerlukan latihan. Latihan hanya boleh diperolehi melalui pembacaan dan pendedahan kepada isu yang pelbagai kompleks, memerlukan individu dan membuat analisis terhadapnya.

Pendidikan juga merupakan salah satu sistem sosial paling utama dalam menentukan perkembangan serta kemajuan rakyat dan negara. Ia diikhtikan sebagai alat untuk mencapai matlamat perpaduan dan integrasi nasional. Kestabilan sosial dan kemurnian akhlak rakyatnya sering dikaitkan dengan sistem pendidikan yang sempurna. Setiap kali kestabilan sistem sosial tergugat dan berlakunya keruntuhan akhlak di kalangan rakyatnya, sistem pendidikan sering menjadi sasaran kritikal dan menuntut

pengubahsuaian serta kajian semula bagi memenuhi tuntutan semasa serta keperluan rakyat dan negara.

Walaupun kerajaan berusaha untuk melahirkan insan yang berpendidikan, ada juga remaja khususnya pelajar-pelajar pada masa kini mengabaikan pendidikan sewenang-wenangnya. Pelajar-pelajar remaja lupa bahawa masa depan bangsa, negara dan agama berada dalam tangan generasi muda hari ini. Mereka menentukan kesinambungan, kejayaan dan kecemerlangan bangsa dan negara. Sebaliknya, jika mereka leka dan lalai nescaya akan mengakibatkan kemunduran, kegagalan dan mungkin kemusnahan bangsa dan negara.

Selain itu, pelajar bumiputera juga mempunyai persepsi yang salah bahawa sebagai anak bumiputera, mereka menganggap bahawa mudah bagi mereka untuk melanjutkan pelajaran ke IPTA apabila tamat pengajian di tingkatan lima, walaupun tidak memperolehi pencapaian cemerlang, berbanding dengan pelajar yang lain yang sukar untuk mendapatkan tempat kerana dengan adanya kuota bagi bumiputera ke IPTA. Inilah masalah pelajar bumiputera yang pernah dikatakan oleh bekas perdana menteri kita Tun Dr Mahathir Mohamad bahawa pelajar bumiputera manja dan harus dibuangkan tongkatnya.

Dengan ini penyelidik ingin mengupas persoalan apakah permasalahan yang mempengaruhi pelajar bumiputera dalam pencapaian akademik. Ianya dapat dilihat daripada beberapa masalah seperti:

- i. Masalah keluarga;
- ii. Masalah rakan sebaya;
- iii. Masalah disiplin

9.0 TEORI BERKAITAN

1. Teori Perkembangan Havighurst

Menurut Havighurst (1967) perkembangan manusia melalui tiga tahap iaitu tahap kanak-kanak, remaja dan dewasa. Setiap peringkat ini mempunyai ciri-ciri perkembangan psikologi tersendiri. Bagi kanak-kanak, proses perkembangan merupakan suatu bentuk pengenalan kepada hidup dan alam sekelilingnya. Pada zaman remaja seseorang individu mengalami beberapa perubahan. Remaja mengalami dan mempelajari cara-cara menyesuaikan diri dengan sekelilingnya. Zaman dewasa pula sering dikaitkan dengan kebolehan untuk bertanggungjawab dan berdikari. Namun, zaman inilah mereka tetap mengalami pelbagai jenis masalah dan konflik.

Menurut Havinghurst tugas-tugas perkembangan dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu:

- i. Ibu bapa yang bersifat demokratik akan membantu mempercepatkan tugas-tugas perkembangan manakala ibu bapa yang bersifat melindungi akan membantutkan tugas-tugas perkembangan.
- ii. Kemiskinan dan kebuluran menjejaskan perkembangan kognitif kanak-kanak. Kemiskinan juga menafikan peluang pendidikan bagi seseorang individu.
- iii. Rumah tangga yang tidak harmoni dan terumbang ambing mengganggu keperluan psikologi kanak-kanak. Situasi kanak-kanak yang tidak diberi kasih sayang dan perhatian akan menjejaskan keyakinan diri, rasa kecewa dan membentuk konsep sendiri negatif.
- iv. Rakan sebaya dan masyarakat sekeliling dapat membantu meningkatkan sosialisasi kanak-kanak. Kanak-kanak yang suka menyendiri dan tidak mesra melambatkan tugas perkembangan dari segi mental, jasmani, sosial dan emosi.

2. Teori Behaviorist B.F Skinner

Alam sekeliling kita dipenuhi dengan pengukuhan positif dan pengukuhan negatif yang membentuk tingkah laku. Kita dikongkong atau dikawal oleh ahli keluarga sama ada dalam bentuk direstui atau tidak direstui akan sesuatu tingkah laku. Sekolah mengawal kita sama ada kita berjaya atau sebaliknya.

Oleh itu pengukuhan positif atau negatif membentuk setiap tingkah laku individu dalam sepanjang hayatnya. Menurut Skinner (1984), corak tingkah laku yang membezakan antara seorang individu dengan yang lain adalah hasil daripada pengalaman hidup seseorang.

Tingkah laku operan merupakan tingkah laku dikawal dan ditentukan oleh alam sekeliling. Dalam lain pengertian tingkah laku operan ditentukan oleh kehendak seorang individu.

Ahli psikologi mengatakan bahawa walaupun tingkah laku operan adalah voluntari tetapi masih dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran khususnya akibat sejenis tingkah laku.

Rangsangan yang meningkatkan kadar sejenis tingkah laku diertikan sebagai pengukuhan atau penghargaan manakala hukuman mengurangkan kadar sejenis tingkah laku. Tingkah laku akibat pengukuhan atau hukuman berbeza antara seorang individu dengan individu lain. Sebagai contoh, sekiranya seorang pelajar yang mengganggu perjalanan kelas, dihukum oleh guru dan diberi perhatian oleh pelajar lain, kemungkinan pelajar itu akan merasa kesalan itu pada masa-masa akan datang kerana berlaku pengukuhan dalam kelas.


3. Penggunaan Teori Pembelajaran Albert Bandura sebagai model kajian

Menurut Albert Bandura (1977) pengukuhan adalah sangat penting dalam melakukan sejenis tingkah laku yang dipelajari daripada mengajar tingkah laku itu. Sebagai contoh, seorang pelajar akan datang ke sekolah tepat pada waktunya kerana melihat rakannya yang dihukum lewat datang ke sekolah. Menurut Bandura tingkah laku ini dipanggil sebagai akibat *vicarious reinforcement* atau *punishment*.

Selain itu, Bandura juga menekankan akan pengukuhan dalaman dan hukuman. Ini bererti tingkah laku seseorang itu bukan sahaja ditentukan oleh faktor luaran malah faktor dalaman. Skema 'perwakilan abstrak' yang dipelajari daripada tingkah laku orang lain seperti yang kita tonton atau mendengar akan menjadi panduan pemikiran, perasaan dan tingkah laku (Bandura, 1986). Seorang kanak-kanak yang melihat sikap pemurah pada seseorang akan menghayatinya tetapi akan menunjukkan sikap agresif apabila menonton sikap agresif daripada idolanya.

Penyelidik memilih teori pembelajaran Albert Bandura disebabkan beberapa perkara iaitu:

1. Teori Albert Bandura menerangkan tentang pengukuhan tingkah laku. Permasalahan yang paling dominan seperti masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin di kalangan pelajar adalah antara permasalahan yang memerlukan pengukuhan tingkah laku.
2. Matlamat teori ini adalah untuk menggalakkan pengukuhan dalaman dan luaran. Pengukuhan dalaman dan luaran penting untuk mengelakkan perkara yang tidak diinginkan seperti mendapat pencapaian akademik yang tidak baik berulang. Oleh itu permasalahan akademik di kalangan pelajar bumiputera dapat dikenal pasti apabila membuat proses pengukuhan dalaman dan luaran.
3. Pendekatan yang digunakan mengimbangkan keperluan individu, perkembangan individu secara optima dan tanggungjawab sosial kepada masyarakat. Matlamat utama kehidupan manusia adalah untuk mencapai kesempurnaan. Oleh yang demikian, seseorang itu akan berusaha sedaya upaya untuk mencapai cita-citanya melalui tingkah laku yang spesifik tetapi berbeza di antara seorang individu dengan individu yang lain. Oleh itu, permasalahan yang paling dominan seperti masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin yang telah diambil kira untuk dikaji dalam membentuk gaya hidup seseorang.



Rajah 1 : Rangka kajian berdasarkan Teori Albert Bandura

10.0 METOD

1. Reka Bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk deskriptif yang menggunakan tinjauan soal selidik. Secara umumnya, kajian ini lebih tertumpu kepada permasalahan yang mempengaruhi pencapaian akademik di kalangan pelajar bumiputera di beberapa buah sekolah menengah teknik di daerah Johor Bahru, Johor.

Bahagian ini akan membincangkan reka bentuk kajian yang bersifat eksposfakto iaitu melihat punca dan akibat sesuatu perlakuan masa kini berdasarkan peristiwa yang telah berlaku dan bersifat kuantitatif. Data yang diperolehi berdasarkan rekod atau item yang ditandakan oleh responden dalam soal selidik. Hubungan antara masalah yang paling dominan pelajar dengan pencapaian akademik pelajar dilihat dengan menggunakan statistik kolerasi.

2. Tempat Kajian

Kajian ini dijalankan di beberapa buah sekolah menengah teknik yang terdapat di sekitar daerah Johor Bahru, Johor. Tiga buah sekolah menengah teknik telah dipilih di daerah Johor Bahru. Jadual 2 di bawah menunjukkan taburan sampel bagi setiap sekolah bagi yang dikaji. Sekolah-sekolah ini terdiri daripada latar belakang yang berbeza-beza.

Jadual 2: Taburan sampel bagi setiap sekolah

Bil	Sekolah	Jumlah sampel kajian
1	SMK Teknik Tanjung Puteri	50
2	SMK Teknik Perdagangan	50
3	SMK Teknik Johor Bahru	50
Jumlah		150

3. Populasi dan sampel kajian

Populasi kajian ini adalah seramai 240 orang di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat yang dipilih daripada tiga buah sekolah menengah teknik di daerah Johor Bahru dalam negeri Johor.

Menurut Azizi et al. (2007), rumusan yang digunakan oleh bahagian penyelidikan National Education Association seperti yang dilaporkan oleh Krejcie dan Morgan (1970) digunakan bagi menentukan saiz sampel kajian. Rumusan yang digunakan adalah seperti berikut:

$$S = \frac{x^2 NP(1-P)}{d^2 (N-P) + x^2}$$

S = saiz sampel

x² = nilai chi-square pada 1 darjah kebebasan pada aras keyakinan yang diperlukan 0.05 (3.841)

N = saiz populasi

P = nisbah populasi (dianggarkan sebagai 0.50 untuk memberi saiz sampel yang maksimum).

d = darjah ketepatan yang dinyatakan sebagai nisbah 0.05

Berdasarkan daripada rumusan tersebut, jika saiz sampelnya ialah 240 orang, maka jumlah saiz sampelnya adalah 148 orang. Oleh itu, sebanyak 150 soal selidik akan diedarkan bagi memastikan bahawa jumlah yang dikehendaki dalam kajian ini dipenuhi. Sampel kajian ini pula dipilih dari tiga buah sekolah di sekitar daerah Johor Bahru dalam negeri Johor. Seramai 50 orang pelajar dari setiap sekolah akan dipilih untuk dijadikan sebagai sampel kajian.

4. Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah soal selidik sebagai instrumen kajian. Instrumen kajian jenis ini dapat memberikan maklumat tentang latar belakang responden, keputusan peperiksaan responden, taraf pendidikan ibu bapa responden dan maklumat permasalahan yang paling dominan dikalangan responden iaitu masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin (Black, 1993).

Dalam bahagian A, sebanyak 5 item diberi untuk mendapatkan maklumat diri pelajar antaranya ialah jantina, jurusan, tempat tinggal, tahap pendidikan ibu bapa dan pencapaian akademik pelajar berdasarkan peperiksaan pertengahan tahun.

Bahagian B bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang permasalahan yang paling dominan yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Sebanyak 30 soalan dibentuk merangkumi 3 permasalahan yang paling dominan iaitu masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Jadual spesifik bahagian B adalah seperti berikut:

Jadual 3: Taburan spesifikasi soal selidik

Jenis permasalahan	No. Item	Bil. Item
Masalah keluarga	1,4,7,10,13,18,19,25,26,28	10
Masalah rakan sebaya	2,5,8,11,14,17,20,24,27,29	10
Masalah disiplin	3,6,9,12,15,16,21,22,23,30	10

5. Pemarkatan Skor

Item-item berbentuk positif dan negatif dikemukakan untuk mendapatkan persepsi responden. Pengukuran dibuat dengan menggunakan Skala lima mata seperti berikut:

Jadual 4: Skor soal selidik bahagian B

Jawapan	No. Item
Sangat tidak setuju	1
Tidak setuju	2
Tidak pasti	3
Setuju	4
Sangat setuju	5

Skor yang dicatatkan adalah berdasarkan sumber Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti Pendidikan UTM 2001/2002.

- 1.00 – 2.33 Rendah
- 2.34 – 3.66 Sederhana
- 3.67 – 5.00 Tinggi

Bagi menentukan tahap kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan, penyelidik telah menggunakan kajian rintis sebelum kajian sebenar dijalankan. Beberapa pengubahsuaian telah dilakukan oleh penyelidik pada mana-mana item soal selidik yang didapati tidak sesuai supaya tahap kesahan dan kepercayaan tinggi.

6. Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan sebelum kajian sebenar dijalankan. Menurut De Vaus (1996), kajian rintis perlu dijalankan sebelum sesebuah kajian dijalankan bagi menjamin kurangnya ralat dalam kajian sebenar kerana kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik yang digunakan telah diuji.

Tujuan kajian rintis dibuat dalam kajian ini adalah bagi menguji kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik yang digunakan dalam kajian sebenar. Kaunselor dari Sekolah Menengah Menengah Kebangsaan Taman Universiti telah mengesahkan bahawa item-item yang dikemukakan kepada responden ada kaitan dengan kajian ini. Sebanyak 30 orang responden yang terdiri daripada pelajar sebuah sekolah dipilih secara rawak dari kajian ini. Tujuan lain kajian ini dijalankan adalah seperti berikut:

- 3.1 Memastikan istilah dan struktur ayat dalam soal selidik difahami. Responden diminta membulatkan istilah-istilah yang mereka kurang faham maksudnya.
- 3.2 Memastikan setiap responden memahami setiap pernyataan dan soalan ujian yang digunakan. Ini dilakukan dengan membenarkan pelajar bertanyakan penyelidik.

Hasil daripada kajian rintis ini, penyelidik telah mendapat keputusan berikut:

- a. Perkataan-perkataan dan struktur ayat yang digunakan dalam instrumen adalah mudah difahami oleh responden yang terlibat dalam kajian rintis ini.
- b. Beberapa struktur ayat dipermudahkan agar sesuai dengan pengalaman responden tanpa mengubah kehendak pernyataan asal.
- c. Selain itu, beberapa item dalam soal selidik perlu diperbaiki kerana mempunyai min yang rendah berbanding item yang lain.

7. Prosedur kajian

Di awal kajian ini, pengkaji terlebih dahulu mencari maklumat berkaitan permasalahan yang paling dominan yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar bumiputera

seperti masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin melalui internet, buku rujukan dan juga kajian-kajian lepas.

Penyelidik akan menghantar permohonan untuk mendapatkan kebenaran daripada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD) bagi menjalankan kajian ke sekolah-sekolah yang berkenaan. Setelah kebenaran diperolehi, penyelidik akan mendapatkan kebenaran daripada pihak Jabatan Pelajaran Negeri bagi menggunakan pelajar sekolah sebagai sampel kajian.

Penyelidik juga akan memohon kebenaran dari pihak Pengetua sekolah untuk menggunakan pelajarinya sebagai sampel kajian. Penyelidik menggunakan borang soal selidik sebagai alat mengumpul data. Penyelidik juga akan memohon kerjasama guru kelas tingkatan empat berkenaan untuk membenarkan pelajarinya menjawab borang soal selidik yang disediakan. Kemudian penyelidik akan menerangkan tatacara menjawab soal selidik tersebut kepada pelajar dan pelajar akan diminta menjawab secara jujur.

8. Tatacara analisis Data

Elemen yang terpenting dalam sesuatu penyelidikan selepas pengumpulan data ialah penganalisan data. Data-data yang telah diperolehi akan diproses menggunakan aplikasi *Statistical Packages for Social Sciences (SPSS)* Versi 11.5. Program yang digunakan ini adalah untuk memudahkan proses penganalisan data bagi mendapatkan keputusan yang lebih cepat dan tepat.

Data-data yang telah di kumpul akan di analisis berdasarkan objektif dan hipotesis kajian. Menurut Azizi et al. (2007), terdapat dua jenis analisis iaitu analisis deskriptif dan analisis inferensi. Dalam kajian ini, analisis deskriptif yang digunakan adalah seperti min, ujian-t, anova, peratusan, kekerapan dan juga sisihan piawai. Analisis inferensi yang digunakan pula ialah korelasi Pearson.

11.0 HASIL DAPATAN KAJIAN

1. Bahagian A (Analisa Latar Belakang Responden)

Dalam borang soal selidik di bahagian A, penyelidik telah menyediakan beberapa item terdiri daripada latar belakang responden seperti jantina responden, pendidikan ibu bapa responden dan tahap akademik responden.

Jantina Responden

Jadual 4: Taburan responden mengikut jantina

Jantina	Bil	Peratus (%)
Lelaki	75	50.0
Perempuan	75	50.0
Jumlah	150	100

Jadual 4.1 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina. Seramai 150 orang telah dipilih untuk kajian ini dan daripada jumlah ini didapati seramai 75 orang (50.0 peratus) terdiri daripada lelaki dan perempuan.

Pendidikan Ibu Bapa Responden

Jadual 5: Taburan responden mengikut jantina

Pendidikan Ibu Bapa	Bil	Peratus (%)
Sekolah Rendah	9	6.0
Sekolah Menengah rendah	61	40.7
Sekolah Menengah Atas	64	42.7
Kolej/Universiti	16	10.7
Jumlah	150	100.0

Jadual 5 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut pendidikan ibu bapa. Hasil daripada kajian ini didapati seramai 9 orang (6.0 peratus) pendidikan ibu bapa dari Sekolah Rendah, seramai 61 orang (40.7 peratus) pendidikan ibu bapa dari Sekolah Menengah Rendah . Bagi pendidikan ibu bapa dari Sekolah Menengah Atas pula terdiri dari seramai 64 orang (42.7 peratus) dan pendidikan ibu bapa dari Kolej atau Universiti adalah seramai 16 orang (10.7 peratus).

Tahap akademik responden

Jadual 6: Pembahagian markat mengikut tahap bagi pencapaian akademik

Tahap	Gred	Markat
Rendah	E hingga D	1.00 hingga 2.99
Sederhana	C	3.00 hingga 3.99
Tinggi	B hingga A	4.00 hingga 5.00

Jadual 7: Taburan responden mengikut tahap rendah, Sederhana dan tinggi bagi pencapaian akademik

Tahap	Frekuensi	Markat
Rendah	136	90.7
Sederhana	14	9.3
Tinggi	0	0

Jadual 4.4 menunjukkan taburan responden mengikut tahap rendah, sederhana dan tinggi bagi pencapaian akademik. Majoriti responden berada pada tahap rendah dengan 90.7 peratus yang mewakili 136 orang responden. 9.3 peratus iaitu 14 orang responden berada pada tahap sederhana dan tiada responden berada pada tahap tinggi.

2. Bahagian B: (Soal Selidik) Analisa Persoalan Kajian

Di dalam bahagian B penyelidik telah menyediakan beberapa item yang terdiri daripada masalah keluarga, masalah rakan sebaya, dan masalah disiplin. Penyelidik juga melaporkan dapatan analisis kajian yang telah diperolehi melalui soal selidik responden.

Masalah keluarga

Jadual 9 : Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi masalah keluarga (n=150)

No. Item	Kenyataan	ATS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	AS (%)	Min	SP
1	Masalah keluarga saya menyebabkan saya tidak boleh belajar	8.0	23.3	22.0	21.3	25.3	3.32	1.29
2	Sikap tidak mengambil berat ibu bapa saya menyebabkan pencapaian akademik saya merosot	10.7	22.0	18.7	26.0	22.7	3.28	1.32
7	Perasaan tidak bahagia bersama keluarga menyebabkan pembelajaran dan pencapaian akademik saya merosot	8.0	23.3	20.0	23.3	25.3	3.34	1.30
8	Ibu bapa saya sering memilih kasih kepada adik beradik saya yang lain	11.3	20.7	18.0	25.3	24.7	3.31	1.34
13	Ibu bapa saya tidak mempunyai banyak masa bersama	10.7	22.0	18.7	26.0	22.7	3.28	1.32
14	Ibu bapa saya tidak mengambil berat pelajaran saya	9.3	26.7	20.0	22.0	22.7	3.20	1.30

19	Ketidakterapan bersama ibu bapa saya di rumah mengganggu pencapaian akademik saya	11.3	24.7	17.3	24.0	22.7	3.22	1.34
20	Ibu bapa saya selalu bekerja syif yang berlainan menyebabkan pembelajaran dan pencapaian akademik merosot	8.7	24.0	16.0	26.7	24.7	3.34	1.31
25	Ibu bapa saya tidak mengambil tahu siapa kawan saya	9.3	26.7	20.0	22.0	22.0	3.20	1.30
26	Ibu bapa saya sering bergaduh menyebabkan pembelajaran saya terganggu	10.7	28.0	20.7	20.0	20.7	3.12	1.31

Min keseluruhan: 3.265

Sisihan piawai: 1.3158

Jadual 9 menunjukkan peratusan responden yang menjawab setiap item masalah keluarga. Dapatan menunjukkan min yang tertinggi ialah item 7 dengan kenyataan “Perasaan tidak bahagia bersama keluarga menyebabkan pencapaian akademik saya merosot” dengan skor min 3.3467. Sebanyak 25 orang responden menjawab sangat setuju dan 23 orang responden menjawab setuju.

Min kedua yang tertinggi ialah pada item 20 dengan kenyataan “Ibu bapa saya selalu bekerja syiff yang berlainan menyebabkan pencapaian akademik saya merosot” dengan skor min 3.3467 dimana sebanyak 25 orang responden menjawab sangat setuju dan 27 orang responden menjawab setuju.

Bagi item 1 dengan pernyataan “Masalah keluarga saya menyebabkan saya tidak boleh belajar” dengan skor min 3.3267 berada ditempat ketiga tertinggi. Seramai 25 orang responden menjawab sangat setuju dan 21 orang responden menjawab setuju. Item 8 dengan skor min 3.3133 dengan pernyataan “Ibu bapa saya sering memilih kasih kepada adik beradik saya yang lain” berada ditempat keempat tertinggi.

Seramai 25 orang responden menjawab sangat setuju dan 25 orang responden menjawab setuju. Pernyataan pada item 2 iaitu “Sikap tidak mengambil berat ibu bapa saya menyebabkan pencapaian akademik saya merosot” dengan skor min 3.2800 berada di tempat kelima tertinggi. Seramai 23 orang responden menjawab sangat setuju dan 26 orang responden menjawab setuju. Pada keseluruhannya persepsi pelajar terhadap masalah keluarga berada di tahap sederhana dengan skor min 3.265.

Masalah rakan sebaya**Jadual 11:** Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sishan Piawai Bagi Masalah Rakan Sebaya (n=150)

No. Item	Kenyataan	ATS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	AS (%)	Min	SP
3	Tidak ada rakan yang ingin kawan dengan saya	10.0	23.3	20.7	21.3	24.7	3.27	1.33
4	Saya benci berkawan kerana pernah ditipu	10.7	22.0	18.7	26.0	22.7	3.28	1.32
9	Rakan memujuk saya supaya menghisap rokok	10.7	23.3	20.7	21.3	24.0	3.24	1.33
10	Rakan mengajak saya ponteng sekolah	9.3	22.0	17.3	25.3	26.0	3.36	1.32
15	Saya suka bermain dengan rakan sekolah	10.7	28.0	20.7	20.0	20.7	3.12	1.31
16	Saya malu untuk berkawan dengan rakan	10.7	22.0	15.3	29.3	22.7	3.31	1.32
21	Rakan tidak suka membantu saya	11.3	23.3	18.7	24.0	22.7	3.23	1.33
22	Rakan suka membuli saya	12.0	27.3	20.0	20.0	20.7	3.10	1.33
27	Saya takut ke sekolah kerana ramai tidak sukakan saya	10.7	21.3	18.7	22.7	26.7	3.33	1.35
28	Saya suka menyendiri daripada berkawan	11.3	22.0	16.0	25.3	25.3	3.32	1.36

Min keseluruhan: 3.288

Sishan piawai: 1.36168

Jadual 10 menunjukkan peratusan responden menjawab setiap item masalah rakan sebaya. Dapatan menunjukkan skor min tertinggi adalah 3.3667 bagi pernyataan “Rakan mengajak saya ponteng sekolah” pada item 10. Seramai 26 orang responden menjawab sangat setuju dan 25 orang responden menjawab setuju. Item ke 27 mencatatkan bacaan min kedua tertinggi dengan skor 3.3333 bagi pernyataan “Saya takut ke sekolah kerana ramai tidak sukakan saya”. Seramai 28 orang menjawab sangat setuju dan 23 orang menjawab setuju.

Bacaan min ketiga tertinggi adalah pada item ke 4 dengan pernyataan “ Saya benci berkawan kerana pernah ditipu”. Seramai 23 orang responden menjawab sangat

setuju dan 26 orang responden menjawab setuju. Min keempat tertinggi adalah pada item ke 28 dengan skor sebanyak 3.3133 dengan pernyataan “Saya suka menyendiri daripada berkawan”. Seramai 25 orang responden menjawab sangat setuju dan 25 orang responden menjawab setuju. Bagi pernyataan “Rakan tidak suka membantu saya “ pada item ke 21 adalah min kelima tertinggi dengan skor min 3.2333. Seramai 23 orang responden menjawab sangat setuju dan 24 orang responden menjawab setuju. Pada keseluruhannya persepsi pelajar terhadap masalah rakan sebaya berada di tahap sederhana dengan skor min 3.288.

Masalah disiplin

Jadual 12: Taburan Responden Mengikut Peratus, Min dan Sisihan Piawai Bagi Masalah Disiplin (n=150)

No. Item	Kenyataan	ATS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	AS (%)	Min	SP
5	Saya merokok apabila berada di sekolah	7.3	24.0	18.0	26.7	24.0	3.36	1.28
6	Saya ponteng sekolah kerana bosan dengan belajar	20.7	25.3	19.3	16.7	18.0	2.86	1.40
11	Saya datang lewat kerana sengaja	10.7	28.0	20.7	20.0	20.7	3.12	1.31
12	Saya akan balik awal kerana mengikut kawan	8.0	23.3	20.0	23.3	25.3	3.34	1.30
17	Saya melawan guru apabila ditegur	9.3	23.3	21.3	20.7	25.3	3.29	1.32
18	Saya merosakkan harta benda sekolah kerana didenda oleh guru	9.3	20.7	16.0	26.0	28.0	3.42	1.33
23	Saya akan melepak di kawasan sekolah apabila guru mengajar di dalam kelas	8.7	22.7	20.0	23.3	25.3	3.34	1.30
24	Saya melepak di pusat hiburan apabila ponteng dari sekolah	10.7	22.0	18.7	26.0	22.7	3.28	1.32
29	Saya suka untuk menyertai gang di sekolah	11.3	24.7	17.3	24.0	22.7	3.22	1.34
30	Saya bergaduh antara atau sesama kaum kerana terjebak dalam gangsterisme	11.4	26.7	15.3	22.7	20.7	3.08	1.38

Min keseluruhan: 3.289

Sisihan piawai: 1.34549

Jadual 4.10 menunjukkan peratusan responden menjawab setiap item masalah disiplin. Dapatan menunjukkan skor min tertinggi adalah 3.4267 bagi pernyataan “Saya merosakkan harta benda di sekolah kerana didenda guru” pada item 18. Seramai 28 orang responden menjawab sangat setuju dan 26 orang responden menjawab setuju.

Item ke 5 mencatatkan bacaan min kedua tertinggi dengan skor 3.3600 bagi pernyataan “Saya merokok apabila berada di sekolah”. Seramai 24 orang menjawab sangat setuju dan 27 orang menjawab setuju.

Bacaan min ketiga tertinggi adalah pada item ke 12 dengan skor 3.3467 bagi pernyataan “ Saya akan balik awal kerana mengikut kawan”. Seramai 25 orang responden menjawab sangat setuju dan 23 orang responden menjawab setuju. Min keempat tertinggi adalah pada item ke 17 dengan skor sebanyak 3.2933 dengan pernyataan “Saya melawan guru apabila ditegur”. Seramai 25 orang responden menjawab sangat setuju dan 21 orang responden menjawab setuju. Bagi pernyataan “Saya suka menyertai gang di sekolah “ pada item ke 29 adalah min kelima tertinggi dengan skor min 3.2200. Seramai 23 orang responden menjawab sangat setuju dan 24 orang responden menjawab setuju. Pada keseluruhannya persepsi pelajar terhadap masalah rakan sebaya berada di tahap sederhana dengan skor min 3.289.

12.0 PERBINCANGAN

Perbincangan Hasil Analisis Masalah Yang Paling Dominan Seperti Masalah Keluarga, Masalah Rakan Sebaya dan Masalah Disiplin Dikalangan Pelajar Bumiputera

Dapatan hasil kajian menunjukkan purata min yang paling tinggi dalam tiga masalah yang paling dominan yang dikaji ialah masalah disiplin iaitu 3.289. Purata min kedua tertinggi adalah dari masalah rakan sebaya iaitu sebanyak 3.288 dan dikuti oleh masalah keluarga dengan purata min sebanyak 3.265. Oleh itu dapatlah dirumuskan bahawa majoriti pelajar memilih masalah yang paling dominan adalah dari masalah disiplin. Majoriti mereka menyatakan mereka melakukan vandalisme di sekolah. Ini berdasarkan dapatan yang menunjukkan majoriti pelajar bersetuju dengan pernyataan “Saya merosakkan harta benda di sekolah kerana didenda guru”.

Dapatan kajian ini selari dengan Jamaludin (2001), yang membuat kajian mengenai hubungan antara masalah akademik dengan masalah disiplin pelajar di Sekolah Menengah Teknik Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Seramai 140 orang pelajar daripada sekolah tersebut dipilih sebagai responden. Dapatan kajian ini menunjukkan masalah vandalisme dari aspek masalah disiplin adalah yang paling dominan.

Secara keseluruhannya, pernyataan “Rakan mengajak saya ponteng sekolah” mendapat min tertinggi iaitu 3.3667 dan nilai sisihan piawai 1.3281. Ini menunjukkan masalah rakan sebaya iaitu rakan sebaya yang bersifat negatif boleh menyebabkan

pelajar terjebak dalam kancuh gejala yang tidak berfaedah sekaligus memberi kesan kepada pencapaian akademik pelajar.

Dapatan kajian diperkukuhkan lagi dengan kajian yang dibuat oleh Fakrurrazi (2000), yang membuat kajian mengenai masalah rakan sebaya pada usia remaja di Sekolah Berasrama Penuh. Seramai 1500 orang pelajar daripada sekolah tersebut dipilih sebagai responden. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pada usia remaja, remaja mudah terdorong dengan faktor rakan sebaya untuk melakukan sesuatu sama ada perkara yang baik atau sebaliknya. Ini membuktikan bahawa rakan sebaya memberi kesan kepada pembelajaran dan pencapaian akademik pelajar itu sendiri.

Pernyataan “Perasaan tidak bahagia bersama keluarga menyebabkan pencapaian akademik saya merosot” mendapat min tertinggi iaitu 3.3467 dan sisihan piawai 1.3000. Ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar mempunyai masalah keluarga yang sama iaitu mengalami perasaan tidak bahagia bersama keluarga. Keluarga merupakan institusi penting dan menjadi teras kepada remaja untuk membentuk diri mereka. Mereka biasanya lebih sensitif jika terlibat di dalam masalah begini dan masalah ini akan mengakibatkan pembelajaran dan pencapaian akademik mereka merosot.

Dapatan kajian ini selari dengan Halimatus (1999), yang membuat kajian mengenai masalah keluarga dalam masyarakat Islam. Dalam kajian beliau, didapati bahawa kebahagiaan rumah tangga menjamin kecemerlangan anak-anak terutamanya yang baru memasuki alam remaja. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa masalah keluarga memberi kesan kepada pembelajaran dan pencapaian akademik pelajar. Kesimpulannya, berdasarkan dapatan kajian ini, masalah yang paling dominan yang mempengaruhi pembelajaran dan pencapaian akademik pelajar bumiputera adalah masalah disiplin dan diikuti dengan masalah rakan sebaya dan masalah keluarga.

Perbincangan Hasil Analisis Tahap Pencapaian Akademik Dikalangan Pelajar Bumiputera

Daripada dapatan analisis, didapati majoriti pelajar mempunyai tahap pencapaian yang rendah dengan jumlah peratusan 90.7 peratus yang mewakili seramai 136 orang responden. Manakala 9.3 peratus yang mewakili seramai 14 orang responden berada pada tahap sederhana dan tiada peratusan pada tahap tinggi. Dapatan kajian ini bertentangan dengan kajian Jamilah (2000), yang membuat kajian mengenai permasalahan pencapaian akademik di kalangan pelajar bumiputera.

Dalam kajian ini menunjukkan tahap pencapaian akademik pelajar bumiputera adalah pada tahap yang sederhana. Ini menunjukkan bahawa kefahaman dan minat pelajar terhadap akademik berada pada tahap yang sangat rendah. Ini mungkin disebabkan oleh permasalahan yang mereka hadapi seperti masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin yang mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Maka pihak sekolah harus mengambil tindakan dan pendekatan yang sesuai bagi meningkatkan prestasi pelajar ke tahap yang lebih tinggi dalam semua mata pelajaran.

13.0 RUMUSAN

Dalam kajian ini menunjukkan bahawa masalah yang paling dominan yang mempengaruhi pembelajaran dan pencapaian akademik pelajar dengan melihat nilai min yang tertinggi. Oleh itu, berdasarkan nilai min, dapat disimpulkan bahawa masalah disiplin dikuti masalah rakan sebaya dan masalah keluarga merupakan masalah yang paling dominan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan responden mempunyai masalah disiplin yang tinggi. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah seperti pengetua dan guru harus mengenalpasti cara-cara untuk mengawal masalah disiplin ini daripada terus berleluasa dan mengakibatkan pembelajaran dan pencapaian akademik pelajar terus merosot. Usaha berikut akan memberi impak yang optimum kepada pelajar tersebut.

Selain itu, penyelidik juga mengkaji tentang tahap pencapaian akademik pelajar bumiputera. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kefahaman dan minat pelajar terhadap akademik berada pada tahap yang sangat rendah. Ini jelas menunjukkan bahawa pelajar mempunyai masalah yang berkait rapat dengan pengajaran dan pencapaian akademik mereka terutama masalah yang dikaji seperti masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin. Ini bermakna pencapaian pelajar akan meningkat jika sekolah boleh mengenalpasti dan merawat masalah yang dihadapi oleh mereka.

Kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara masalah keluarga berdasarkan pencapaian akademik pelajar bumiputera. Manakala tidak terdapat hubungan yang signifikan antara masalah rakan sebaya dengan pencapaian akademik pelajar bumiputera. Namun terdapat hubungan yang signifikan antara masalah disiplin dengan pencapaian akademik pelajar bumiputera. Ini bermakna masalah disiplin mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Konsikuensinya, pencapaian akademik pelajar akan meningkat jika masalah disiplin pelajar dapat dikawal oleh pihak sekolah secara berkesan.

Selain itu, penyelidik juga mengkaji perbezaan yang signifikan antara masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin mengikut jantina. Hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah keluarga mengikut jantina. Manakala tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah rakan sebaya mengikut jantina dan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah disiplin mengikut jantina. Ini bermakna, majoriti pelajar mempunyai masalah yang sama tanpa mengira jantina.

Penyelidik juga mengkaji terdapat perbezaan yang signifikan antara masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin dikalangan pelajar bumiputera mengikut tahap pendidikan ibu bapa. Hasil kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara masalah keluarga dikalangan pelajar bumiputera mengikut tahap pendidikan ibu bapa. Manakala tidak terdapat hubungan yang signifikan antara masalah rakan sebaya dikalangan pelajar bumiputera mengikut tahap pendidikan ibu bapa dan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara masalah disiplin dikalangan pelajar

bumiputera mengikut tahap pendidikan ibu bapa. Ini bermakna majoriti pelajar mempunyai masalah yang sama tanpa mengira tahap pendidikan ibu bapa. Secara keseluruhannya, dapat diperhatikan bahawa masalah yang paling dominan seperti masalah keluarga, masalah rakan sebaya dan masalah disiplin mempengaruhi pencapaian akademik pelajar tanpa mengira jantina dan tahap akademik ibu bapa.

BIBLIOGRAFI

- Abbas (1990). *Masalah Yang Mempengaruhi Budaya Pembelajaran di Sekolah Berasrama Penuh*. Tesis Ijazah Sarjana Muda : Tidak Diterbitkan.
- Abdul Alim Abdul Rahim (1994). *Penyertaan Psikologi Berlazim*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Abdullah Ahmad (26.8.2001). *Orang Melayu Mesti Berhamba Kapada Ilmu*. Utusan Mingguan, m.s. 21
- Abu Bakar Yang (12.2.2001). *Remaja dan Akhlak*. Berita Harian, m.s 16
- Ahmad Hj. Salleh (1980). *Disiplin Sekolah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Albert Bandura (1977). *Social Learning Theory*. Eagle Wood Cliff, New Jersey : Prentice Hall.
- Albert Bandura (1986). *Social Foundations Of Thoughts and Actions. A Social Cognitive Theory*. Eaglewood Cliff, New Jersey : Prentice Hall.
- Atan Long (1988). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Had Salleh (1996). *Pemikir*. Masyarakat Melayu Dalam Pendidikan Dan Sosiobudaya. 8-45.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Pahang : PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Berita Harian (22.03.99) . *Harapan Bangsa Kepada Pelajar Melayu*. m.s 10.
- Berita Harian (24.03.99). *Pelajar Melayu Masih Lemah*. m.s 10
- Berita Harian (27.07.99) . *Terima Teguran Sebagai Satu Cabaran: Pelajar Melayu*. m.s 7.
- Berita Harian (27.07.99). *Pengaruh Makanan Kepada Manusia*. m.s 15
- Brown W.F Holzman W.H (1984). *A Study – Attitudes Questionnaire For Predicting Academic Succes*. Journal Of Education Psychology 48, vol 75- 84.
- Burt, Cyril (1969). *The backward Child (4th ed)*. London : University of London Press.
- Ch'ng Chwee Lye (1976). *A Comparative Study of The Self Consept of Delinquent and Non-Derlinquent Adolescents*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur : Jurnal Pendidikan, Jld. VI Oktober 1976.
- Clote N, schochet I (1986). *Alternatives to The Behavioral Technical Conception of Study Skill*. Higher Education 15, m.s 252-258.
- Crow and Crow (1983). *Psikologi Pendidikan Untuk perguruan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- Daniel Goleman (1999). *Emotional Intelligence*. New York : Aplleton Century Crofts.
- Fakrurrazi (2000). *Masalah Rakan Sebaya Pada Usia Remaja di Sekolah Berasrama Penuh*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia : Tidak diterbitkan.
- Habibah Elias (1997). *Psikologi Personaliti*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Halimatus (1999). *Masalah Keluarga Dalam Masyarakat Islam*. Petaling Jaya. Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Havighurst (1967). *Adolescent Character and Personality*. New York :John Willey & Sons. Inc.
- Howerd Gardner (1989). *The Theory of Multiple Intelligence*. New York : Norton.
- Hussein Mahmood (1993). *Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah*. Kuala Lumpur : DBP
- Ismail (1990). *Salahkan Keluarga Kerana Binas* . Berita Harian. Selasa, April 1990.
- Jamal (1997). *Pendidikan Ibu Bapa Sebagai Satu Teras*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur : Jurnal Pendidikan, Jid. VI Oktober 1997
- Jamaludin (2001). *Hubungan Diantara Masalah Akademik Dengan Masalah Disiplin Pelajar di Sekolah Menengah Teknik Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Tesis Ijazah Sarjana Muda : Tidak Diterbitkan.
- Jamilah (2000). *Permasalahan Pencapaian Akademik Dikalangan Pelajar Bumiputra*. Tesis Ijazah Sarjana Muda : Tidak Diterbitkan.
- Kamarudin bin Md. Yusuf (1997). *Faktor-faktor Kelemahan Pelajar Bumiputra Dalam Mata Pelajaran Metamatik di Sekolah-sekolah Menengah di Negeri Johor dan Melaka. Satu tinjauan*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda.
- Marimuthu, T (1990). *Pengenalan Sosiologi Pendidikan*. Petaling Jaya. Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mingguan Malaysia (31.8.03). *Ucapan Perdana Menteri Malaysia*.
- Mohd Taib bin Osman (1997), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Yosuff (1999). *Pembentukan Generasi Cemerlang*. Kuala Lumpur. Jabatan Pendidikan Islam dan Moral.
- Mokhtar Yussof (1994). *Pengaruh Status Sosioekonomi Keluarga Terhadap Pencapaian Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Pelajar di 5 Buah Sekolah dalam Jajahan Tanah Merah dan Jajahan Jeli. Satu Tinjauan*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda : Tidak Diterbitkan.
- Oldenberg, R. dan Brissett, D. (1980). *The Essential Hangout Psychology Today*.
- Pahrol radzi Mat Ali (1996). *Kesan Faktor Pekerjaan, Pendidikan dan persekitaran Keluarga Terhadap Pencapaian Pelajar Dalam PMR*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia : Tidak diterbitkan.
- Rohana zubir (1976). *Perception Of Adolescent Problems By Teachers And Their Male Pupil In Selected Form Four English-Medium Secondary School In Kuala Lumpur And Petaling Jaya*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur : Jurnal Pendidikan, Jld. VI Oktober 1976.

- Rozumah Bahrudin (21.8.2001). *Keluarga Pengaruhi Prestasi Akademik Pelajar*. Berita Harian, m.s 16.
- Salleh B. Majid (1997). *Jangan Salahkan Remaja*. Utusan Malaysia. Isnin, Jun 1997.
- Samsudin A. Rahim dan Iran Herman (1993). *Budaya Lepak : Satu Kajian Awal di Bandaraya Kuala Lumpur*. Laporan Kajian Untuk Kementerian Belia dan Sukan.
- Shaifudin Bin Haji Masduki (1997). *Motivasi, Komitmen dan Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Menengah*. Universiti Utara Malaysia : www.asig.uum.edu.my/research/e-thesis/p_pendidikan.cfm
- Shuhada Choo Abdullah (2002). *Program PRS Perlu Diperluas ke IPT*: www.cikgu.net.my/malay/beritatek/beritatek20020114.php3
- Siti Rahimah (2000). *Pengaruh Status Sosioekonomi Keluarga Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Beris Kubor Besar, Kelantan. Satu Tinjauan*. Tesis Ijazah Sarjana Muda : Tidak Diterbitkan.
- Skinner (1984). *About Behaviorism*. New York : Knopf.
- Skinner, B.F. (1938). *The Behaviourism of Organism*. New York : Appleton Century Crofts.
- Tajuddin Ali (1999). *Faktor Yang membawa Kepada Sikap rajin Belajar Tiong Hua*. www.idealismahasiswa.net/artikel_harian/feb2002/14feb03.html
- Utusan Malaysia (19.04.00). *"Utamakan Subjek Sains, Matematik, Bahasa Inggeris"*. www.cikgu.net.my/malay/isu/isu_23/203c.php3. *Perbagai Faktor Pengaruhi Pencapaian*.
- Zakaria Bin Othman (1996). *Hubungan faktor-faktor Latarbelakang dan Komitmen Ibu Bapa dengan Pencapaian Matematik*. Universiti Utara Malaysia : www.asig.uum.edu.my/research/e-thesis/p_pendidikan.cfm